

No. Soalan: 28
PR-1342-L74018

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : **26 MEI 2016**

SOALAN : **Dato' Abd. Aziz Bin Haji Sheikh Fadzir
[Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI
LUAR NEGERI** menyatakan senarai nama
bandar-bandar atau negeri-negeri yang telah
menjalinkan hubungan Bandar Berkembar
(*Twin City*) dengan bandar-bandar negara
asing. Apakah bentuk kerjasama yang telah
dilakukan serta kesan kepada negara
daripada kerjasama ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada rekod yang agak terhad oleh Kementerian ini, di antara bandar-bandar yang telah terdahulunya menjalinkan hubungan Bandar Berkembar, dengan izin, *Twin City* adalah Majlis Bandaraya Ipoh, Perak; Georgetown dan Seberang Perai, Pulau Pinang; Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Terengganu; dan Kota Melaka, Melaka.

2. Kementerian ini berpandangan pertanyaan ini lebih sesuai diajukan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana ia berkaitan dengan perancangan dan pembangunan sahsiah bandar. Kementerian ini turut telah mendapatkan maklumbalas daripada KPKT dan telah dimaklumkan bahawa dari segi pelaksanaan, Program Bandar Berkembar ini adalah di atas inisiatif peringkat Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 29

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan struktur dan kadar kenaikan *Aviation Charges* yang terbaru. Syarikat-syarikat penerbangan membantah kenaikan mendadak, maka bagaimanakah kadar baru boleh memastikan tambang kapal terbang tidak naik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan kadar fi dan caj baru oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) adalah berdasarkan prinsip-prinsip *non-discrimination*, *cost relatedness*, *transparency* dan *consultation with users* seperti yang digariskan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)* dalam *DOC 9082 ICAO's Policies on Charges for Airports and Air Navigation Services*.

Penetapan terhadap kadar fi dan caj baru ini dibuat melalui sesi konsultasi dengan pihak industri serta kajian perbandingan dengan negara-negara maju dan serantau yang lain seperti Australia, New Zealand, Singapura dan Hong Kong. Dalam hubungan ini, kebanyakan fi dan caj baru yang dikenakan masih rendah berbanding di negara-negara tersebut.

Bagi memastikan pelaksanaan kadar fi dan caj baru ini tidak membebankan industri penerbangan awam serta menjelaskan pengguna terutama kenaikan terhadap tambang penerbangan, Kerajaan telah bersetuju supaya kenaikan kadar fi dan caj di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 bermula 15 April 2016 dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 3 hingga 5 tahun, bermula dengan kenaikan satu kali ganda.